

# **PEMBINAAN MODUL PROGRAM PEMBANGUNAN AKADEMIK PELAJAR TAHUN SATU FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Hassan Bin Hushin & Maznah Bte Che Don

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak:** Projek ini adalah berkaitan dengan pembinaan modul Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia untuk panduan Jawatankuasa *First Year Experience* (FYE) Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Modul ini dibina berdasarkan kepada cadangan daripada dua kajian yang telah dijalankan bertajuk “Tinjauan Mengenai Kategori Masalah Dengan Demografi Di kalangan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Berasaskan *Mooney Problem Check List (MPCL)*” oleh Noriasah Binti Othman Teng (2006) dan kajian bertajuk “Pilihan dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: Satu Tinjauan” oleh Ahmad Nawawi Bin Adnan (2007). Modul ini dibina mengikut Model Barr and Cuyjet (1991) yang memberi penekanan kepada enam langkah pendekatan perancangan program untuk dimuatkan ke dalam kerangka program yang dibina berdasarkan piawaian Standard Guru Malaysia (SGM) yang masih dalam peringkat cadangan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Diharap modul ini akan dapat membantu pihak Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia dan lain-lain agensi pelaksana menjalankan program dengan lebih lancar supaya pelajar akan mendapat pelbagai maklumat tentang suasana pembelajaran di universiti serta dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pencapaian dalam bidang akademik melalui proram yang dihadiri.

**Abstract:** The aim of this project was to develop a module about Students Academic Development Program for First Year students in the Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia. This module will be the guide for First Year Experience (FYE) Committee, Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia to perform the program for First Year Students. This module was developed based on the suggestion from two research entitled “The Survey Of Problem Category With Demography Among First Year Students, Faculty of Education Universiti Teknologi Malaysia Based On Mooney Problem Check List (MPCL)” conducted by Noriasah Binti Othman Teng (2006) and the second entitled “The Selection and Student Development Program Activity By First Year Students Faculty of Education Universiti Teknologi Malaysia” conducted by Ahmad Nawawi Bin Adnan (2007). The module of the program was developed using Barr and Cuyjet (1991) model that propose a six-step approach to program planning and had been included into the program framework based on the Malaysian Teacher’s Standard proposed by Teacher’s Education Department, Ministry of Education. This module will help FYE Committee, Faculty of Education UTM and other agencies to implement this program to the First Year Students to make them understand the situation and learning methodology in university. Thus, they can upgrade their knowledge, skill and achievement in the academic through the program they attend.

*Katakunci:* Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun

## **Pengenalan**

Program Pembangunan Pelajar yang diadakan di universiti adalah merupakan satu program yang di jalankan bagi membolehkan pelajar-pelajar ini menyesuaikan diri dengan kehidupan baru di kampus. Program ini sangat penting bagi pembangunan diri pelajar untuk menjadikannya seorang pelajar yang cemerlang dari segi akademik, bersahsiah tinggi, mempunyai daya kepimpinan, pandai menyesuaikan diri dengan masyarakat, sentiasa cergas dan sihat serta berjaya di dalam bidang kerjaya yang diceburi.

## **Pernyataan Masalah**

Program Pembangunan Akademik yang dijalankan di UTM pada masa sekarang dijalankan oleh pelbagai pihak secara bersendirian mengikut cara atau kaedah tersendiri dari segi penyampaian isi kandungan program, kumpulan sasaran, masa serta tempat sepertimana yang telah ditetapkan. Kadangkala program seperti ini hanya melibatkan sebahagian kecil pelajar sahaja iaitu apabila iklan-iklan penyiaran tentang program ini tidak diketahui dan tidak dibaca oleh para pelajar kerana diletakkan di tempat-tempat tertentu sahaja. Ada di antara program-program ini amat berfaedah untuk dihadiri oleh pelajar Tahun Satu, bagaimanapun mereka kadangkala tidak dapat menghadirinya disebabkan oleh beberapa masalah dan kekangan yang wujud seperti masa, penglibatan di dalam aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum di kolej atau di fakulti.

Berdasarkan latarbelakang masalah di atas, jelas masih belum ada lagi satu modul khusus untuk Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM yang sistematik. Oleh itu modul ini akan direkabentuk bagi memenuhi keperluan pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM. Di antara elemen yang dikenalpasti menjadi faktor ke arah peningkatan akademik yang akan dimasukkan dalam modul ini ialah:

- i. Menjana Kecemerlangan Akademik
- ii. Pengurusan Pembelajaran Secara Berkesan
- iii. Pengenalan kepada Asas Penulisan Ilmiah

Isi kandungan modul ini akan disampaikan melalui ceramah dan aktiviti dalam program berbentuk bengkel, seminar dan juga perkemahan.

## **Objektif Pembinaan Modul**

Objektif utama pembangunan modul ini ialah:

- (i) Membantu pihak pengurusan dalam mengendalikan program yang dijalankan secara sistematik dan bersepada melibatkan pelajar-pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM.
- (ii) Membantu pelajar Tahun Satu menyesuaikan diri dengan suasana dan gaya pembelajaran di universiti.
- (iii) Membimbing pelajar ke arah peningkatan pencapaian akademik melalui program yang dihadiri menggunakan modul yang telah dibina.

## **Kepentingan Pembinaan Modul**

Hasil daripada pembinaan modul ini diharap akan dapat memberi sedikit sumbangan kepada pihak pengurusan khususnya Jawatankuasa *First Year Experience (FYE)* di Fakulti Pendidikan UTM untuk menjalankan program yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar bagi menghasilkan seorang pelajar yang dapat menguasai bidang akademik secara lebih sistematis dan bersepada serta dapat menjadikan mereka seorang intelek yang berdayasaing serta aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran.

## **Metodologi**

### **Matlamat Modul**

Melahirkan pelajar Tahun Satu yang berketrampilan dari segi intelek melalui pencapaian akademik serta dapat menyesuaikan diri dengan suasana dan gaya pembelajaran di UTM disamping membimbing pelajar untuk memajukan diri kearah peningkatan pencapaian akademik ke peringkat yang lebih tinggi.

## **Objektif Modul**

- (i) Membantu Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan UTM dalam mengendalikan program yang dijalankan secara sistematik dan bersepadu melibatkan pelajar-pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM.
- (ii) Membantu pelajar Tahun Satu menyesuaikan diri dengan suasana dan gaya pembelajaran di universiti.
- (iii) Membimbing pelajar ke arah peningkatan pencapaian akademik melalui program yang dihadiri menggunakan modul yang telah dibina.

## **Kumpulan Sasaran**

Pelajar Tahun Satu dari Fakulti Pendidikan UTM.

## **Kandungan Modul**

Kandungan modul ini terdiri daripada tiga unit topik yang menjadi elemen asas kepada program yang akan dijalankan berkaitan dengan suasana pembelajaran dan peningkatan akademik pelajar. Tiga unit topik tersebut ialah:

- (i) Menjana Kecemerlangan Akademik - Unit 1.
- (ii) Pengurusan Pembelajaran Secara Efisyen – Kerah Kecemerlangan Pencapaian Akademik – Unit 2
- (iii) Pengenalan Kepada Asas Penulisan Ilmiah –Unit 3.

Ketiga-tiga topik yang menjadi kandungan modul ini akan dimuatkan kedalam kerangka program yang akan dihuraikan lebih lanjut dalam bab seterusnya (Bab 4 – Kerangka Program).

Perlaksanaan program akan dijalankan dalam bentuk bengkel atau seminar secara bersendirian dan juga dalam bentuk perkhemahan dengan menggabungkan program pembangunan akademik bersama program pembangunan pelajar yang lain seperti sahsiah, kepimpinan, kerjaya, sukan dan riadah serta kemasyarakatan.

## **Jangkamasa Program**

Jangkamasa yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) Bengkel – 1 hari
- (ii) Seminar – 1 hari
- (iii) Perkhemahan – 3 hari 2 malam

## **Perbincangan**

Dalam usaha untuk menghasilkan modul untuk Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM ini adalah merupakan satu percubaan awal penulis untuk membina satu modul sebagai panduan kepada Jawatankuasa FYE untuk menjalankan program kepada pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM.

Perlaksanaan program berpandukan modul akan menjadikan perjalanan program lebih teratur mengikut masa yang telah ditetapkan. Isi kandungan modul boleh disampaikan oleh sesiapa sahaja berpandukan modul yang telah disediakan tanpa memerlukan penceramah pakar. Ini akan membolehkan program ini dijalankan pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Penghasilan modul program yang sistematik akan membolehkan program dijalankan secara teratur bagi membolehkan isi kandungan modul disampaikan dengan lebih berkesan. Isi kandungan modul yang sesuai boleh menarik minat pelajar menyertai sesuatu program. Program Pembangunan Akademik Pelajar menggunakan modul ini akan memberi kebaikan serta dapat menimbulkan kesan positif kepada pelajar yang menyertainya.

## Rumusan

Pembinaan modul untuk Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM ini telah berjaya dihasilkan. Alhamdulillah, objektif pertama pembinaan modul ini telah berjaya dipenuhi iaitu membina Modul Program Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM ini sebagai panduan kepada Jawatankuasa FYE Fakulti Pendidikan UTM untuk menjalankan program kepada pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM.

Modul program ini dibina khusus untuk Program Pembangunan Akademik Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan UTM bagi membolehkan setiap pelajar yang menyertainya mendapat pelbagai maklumat mengenai suasana pembelajaran di UTM, kaedah pengurusan pembelajaran secara lebih berkesan serta dapat meningkatkan pengetahuan dan menguasai kemahiran dalam pelbagai bidang berkaitan akademik untuk meningkatkan kecemerlangan pencapaian akademik.

Dengan berpandukan modul ini diharap program yang dijalankan akan menjadi lebih teratur dan sistematik mengikut perancangan yang telah ditetapkan di samping dapat mempermudahkan penyampaian isi kandungannya. Modul ini juga boleh menjadi panduan kepada pihak-pihak lain yang berminat untuk menjalankan Program Pembangunan Akademik Pelajar dengan memerlukan sedikit pengubahsuaian mengikut tahap dan kesesuaian peserta yang menyertainya.

## Rujukan

- Abdul Hakim Mohamed dan Kassim Thukiman (1996). *Kajian Awal Tentang Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Pembangunan Diri di Kampus*. Kertas Kerja yang Dibentangkan di Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Adelgan F and Park D (1955). *Problem Of Transition For Africa Student In An America University*. Journal Of College Student Personel, 25, 504 – 508.
- Ahmad Nawawi Adnan (2007). *Pilihan Dan Bentuk Aktiviti Program Pembangunan Pelajar Tahun Satu Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Projek Sarjana Muda.
- Amla HM. Salleh dan Puteh Muhammed (1992). *Asas Bimbingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Arham Abdullah, et al. (2006). *Faktor-Faktor Yang Menyumbang Kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar Di UTM*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan (NASDEC) 2006.
- Astin, A.W. (1985). *Achieving Educational Excellent*. San Francisco, California: Josey-Bass.
- Azmi Jaafar. (2002). *Amalan Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar-Pelajar Tahun Empat Kursus SPA/SPE/SPJ (PKPG) Di Fakulti Pendidikan UTM*. Projek Sarjana Muda.

Baharin Mesir. (2006). *Gaya Hidup Pelajar Cemerlang Dalam Persekutaran Kampus*. Projek Sarjana Muda.

Barr, M. J. and Cuyjet, M.J. (1991). *Program Development And Implementation*. Muncie, IN: Accelerated Development.

Barr, M. J. and Keating, L. A. (1985). *Introduction: Element Of Program Development*. San Francisco: Jossey-Bass.